

NOTICE OF THE 22ND ANNUAL GENERAL MEETING



NOTICE IS HEREBY GIVEN that the 22nd Annual General Meeting of BIMB Holdings Berhad ("BHB" or "the Company") will be held at Ballroom 3, Sime Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur on Wednesday, 15 May 2019 at 10.00 a.m. for the following purposes:

ORDINARY BUSINESS

- To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2018 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon.
- To re-elect Tan Sri Ambrin Buang who is retiring in accordance with Article 61 of the Company's Constitution and being eligible, has offered himself for re-election.
- To re-elect Tan Sri Ismail Adam who is retiring by rotation in accordance with Article 61 of the Company's Constitution and being eligible, has offered himself for re-election.
- To re-elect Enric Nik Mohd Hasyudeen Yusoff who is retiring by rotation in accordance with Article 66 of the Company's Constitution and being eligible, has offered himself for re-election.
- To approve the Directors' fees and benefits of up to RM2,776,500 payable to the Non-Executive Directors from this 22nd Annual General Meeting until the 23rd Annual General Meeting of the Company.
- To appoint Messrs PricewaterhouseCoopers PLT as the External Auditors of the Company in place of the retiring External Auditors, Messrs. KPMG Desa Megat PLT and to authorise the Directors to determine their remuneration.

(Please refer to Note 1)
(Ordinary Resolution 1)
(Ordinary Resolution 2)
(Ordinary Resolution 3)
(Ordinary Resolution 4)
(Ordinary Resolution 5)

SPECIAL BUSINESS

- Proposed Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature
"That subject to the Companies Act 2016, Company's Constitution and the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad approval be and is hereby given to BIMB Holdings Berhad and its subsidiaries to enter into the category of recurrent related party transactions of a revenue or trading nature with those related parties as specified in Section 2.1.3 of the Circular to Shareholders dated 19 April 2019 which are necessary for the Group's day to day operations subject to the following:
a) The transactions carried out are in the ordinary course of business and are on normal commercial terms that do not favour the related parties more than the general public;
b) Are not detrimental to the minority shareholders of the Company; and
c) Will be disclosed in the annual report with the breakdown of the aggregate value of transaction conducted during the financial year pursuant to the shareholders' mandate during the financial year (Mandate).
And that the Mandate conferred by this resolution shall commence immediately upon the passing of this Resolution;
And that such Mandate shall continue to be in force until:
i) the conclusion of the next AGM of the Company, at which time it will lapse, unless by a resolution passed at the meeting, the authority is renewed,
ii) the expiration of the period within which the next AGM after the date is required to be held pursuant to Section 340(2) of the Companies Act, 2016 (but shall not extend to such extension as may be allowed pursuant to Section 340(4) of Companies Act 2016); or
iii) it is revoked or varied by a resolution passed by the shareholders in a general meeting, whichever is the earlier."
- Proposed renewal of the authority for Directors to allot and issue new ordinary shares of BHB, for the purpose of the Company's Dividend Reinvestment Plan ("DRP") that provides the shareholders of BHB the option to elect to reinvest their cash dividend in new BHB Shares.
"THAT pursuant to the DRP as approved by the Shareholders at the Extraordinary General Meeting held on 27 October 2014 and subject to the approval of the relevant regulatory authority (if any), approval be and is hereby given to the Company to allot and issue such number of new BHB Shares from time to time as may be required to be allotted and issued pursuant to the DRP until the conclusion of the next Annual General Meeting upon such terms and conditions and to such persons as the Directors of the Company at their sole and absolute discretion, deem fit and in the interest of the Company PROVIDED THAT the issue price of the said new BHB Shares shall be fixed by the Directors based on the adjusted five (5) market days volume weighted average market price ("VWAP") of BHB Shares immediately prior to the price-fixing date after applying a discount of not more than 10%, of which the VWAP shall be adjusted ex-dividend before applying the aforementioned discount in fixing the issue price;
AND THAT the Directors and the Secretary of the Company be and are hereby authorised to do all such acts and enter into all such transactions, arrangements, deeds, undertakings and documents as may be necessary or expedient in order to give full effect to the DRP with full power to assent to any conditions, modifications, variations and/or amendments as may be imposed or agreed to by any relevant authorities (if any) or consequent upon the implementation of the said conditions, modifications, variations and/or amendments, by the Directors as they, in their absolute discretion, deem fit and in the best interest of the Company."
- Proposed Adoption of the New Constitution of the Company ("Proposed Adoption of New Constitution")
"THAT the Company's existing Memorandum and Articles of Association be deleted in its entirety with immediate effect and in place thereof, adopt the new Constitution of the Company as set out in Part B and Appendix II of the Circular to Shareholders dated 19 April 2019. AND THAT the Directors and Secretary of the Company be and are hereby authorised to assent to any modifications, variations and/or amendments as may be required by the relevant authorities and to do all things and take all such steps as may be considered necessary and/or expedient in order to give full effect to the Proposed Adoption of the New Constitution."
- To transact any other ordinary business of which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act 2016.

(Ordinary Resolution 6)

(Ordinary Resolution 7)

(Special Resolution 1)

By Order of the Board

MARIA MAT SAID (LS 0009400)
Company Secretary
Kuala Lumpur
19 April 2019

Notes:

1. Audited Financial Statements

The Audited Financial Statements laid at this meeting pursuant to Section 340(1)(a) of the Companies Act 2016 are meant for the shareholders' information and discussion only. It does not require shareholders' approval, and therefore Audited Financial Statements are not put forward for voting.

2. Ordinary Resolution 4

At the 21st Annual General Meeting held on 15 May 2018, BHB obtained Shareholders' approval on the payment of Non-Executive Directors' fees and benefits with effect from the 21st Annual General Meeting until the 22nd Annual General Meeting of the Company in 2019. Details of the Non-Executive Directors' fees and benefits are enumerated on pages 274 to 275 of the Integrated Annual Report.

Pursuant to Section 230(1) Companies Act 2016, Shareholders' approval is also required for the Non-Executive Directors' fees and benefits received from its subsidiaries.

The proposed Resolution 4 is for the payment of the Directors' fees and benefits for the Non-Executive Directors of the Company and its subsidiaries from this 22nd Annual General Meeting until the 23rd Annual General Meeting of the Company.

3. Ordinary Resolution 5

The proposed change is in line with good corporate governance of revisiting the appointment of the Company's External Auditors from time to time.

The Company's existing External Auditors, Messrs KPMG Desa Megat PLT, were re-appointed as the External Auditors of the Company at the 21st Annual General Meeting of the Company held on 15 May 2018 to hold office until the conclusion of the 22nd Annual General Meeting of the Company. Messrs KPMG Desa Megat PLT have been the External Auditors of the Company since November 2002.

The proposed appointment of Messrs PricewaterhouseCoopers is subject to the receipt of their consent to act as External Auditors and if approved, they shall hold office until the conclusion of the 23rd Annual General Meeting of the Company.

4. Explanatory Notes to Special Business

a) Ordinary Resolution 6

Ordinary Resolution 6, if passed, will enable the Company and/or its Subsidiaries to enter into recurrent transaction involving the interest of Related Parties, which are of a revenue or trading nature and necessary for the Group's day-to-day operations, subject to the transactions being carried out in the ordinary course of business and on terms not to the detriment of the minority shareholders of the Company. The authority, unless revoked or varied by the Company at a general meeting, will expire at the next Annual General Meeting of the Company.

For further details on Ordinary Resolution 6, please refer to Circular to Shareholders dated 19 April 2019

b) Ordinary Resolution 7

Ordinary Resolution 7, if passed, will give authority to the Directors to allot and issue share for the Dividend Reinvestment Plan in respect of dividends to be declared until the next Annual General Meeting. A renewal of this authority will be sought at the next Annual General Meeting.

c) Special Resolution 1

The proposed Special Resolution 1, if passed, will align the Company's Constitution with the Companies Act 2016 which came into force on 31 January 2017, the updated provision on the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad and prevailing statutory and regulatory requirements as well as to enhance administrative efficiency and to provide greater clarity. The Proposed Adoption of the New Constitution is set out in the Circular to Shareholders dated 19 April 2019.

5. Appointment of Proxy

- Only members whose names appear in the Record of Depositors on 10 May 2019 shall be eligible to attend, speak and vote at the AGM or appoint proxy(ies) to attend, speak and/or vote on their behalf.
- A member of the Company entitled to attend and vote at this meeting is entitled to appoint not more than two (2) proxies to attend and to vote instead of him at the same meeting and a proxy need not be a member of the Company.
- Where a member of the Company appoints two (2) proxies, the appointments shall be invalid unless he specifies the holdings to be represented by each proxy.
- Where a member of the Company is an exempt authorised nominee as defined under the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991 which holds ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one securities account ("omnibus account"), there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each omnibus account it holds.
- The instruments appointing a proxy in the case of an individual shall be signed by the appointer or his attorney and in the case of a corporation, must be under seal or under the hand of an officer or attorney duly authorised.
- The instrument appointing a proxy must be deposited at the Share Registrar, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd (formerly known as Symphony Share Registrars Sdn Bhd), Level 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana, 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan not less than forty-eight (48) hours before the time of the meeting or adjourned meeting at which the person named in such instrument proposes to vote, and in default the instrument of proxy shall not be treated as valid.
- Pursuant to Paragraph 8.29A of the Main Market Listing Requirements, all resolutions set out in the Notice will be put to vote by poll.

NOTIS MESYUARAT AGUNG

TAHUNAN KE-22



DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 BIMB Holdings Berhad ("BHB" atau "Syarikat") akan diadakan di Ballroom 3, Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 15 Mei 2019 pada jam 10.00 pagi untuk tujuan berikut:

URUSAN BIASA

1. Untuk menerima Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 berserta dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya.
2. Untuk melantik semula Tan Sri Ambrin Buang yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 61 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula.
3. Untuk melantik semula Tan Sri Ismail Adam yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 61 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan dirinya untuk dilantik semula.
4. Untuk melantik semula Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff yang bersara menurut Artikel 66 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan dirinya untuk dilantik semula.
5. Untuk meluluskan pembayaran yuran dan manfaat para Pengarah berjumlah RM2,776,500 kepada para Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat dari Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 Syarikat.
6. Untuk melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Luar Syarikat bagi menggantikan Tetuan KPMG Desa Megat PLT dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.

(Sila rujuk Nota 1)

(Resolusi Biasa 1)

(Resolusi Biasa 2)

(Resolusi Biasa 3)

(Resolusi Biasa 4)

(Resolusi Biasa 5)

URUSAN KHAS

7. Cadangan Mandat Pemegang Saham untuk Urusiaga Berulang dengan Pihak Berkaitan Berbentuk Pendapatan atau Perdagangan.

"Bahawa tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada BIMB Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya untuk memasuki kategori urusiaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk pendapatan atau perdagangan dengan pihak berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2.1.3 Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 19 April 2019 yang perlu untuk operasi harian Kumpulan tertakluk kepada yang berikut:

(a) Urusiaga yang dijalankan adalah dalam urusan biasa perniagaan dan berdasarkan kepada terma perdagangan biasa yang tidak memihak kepada pihak yang berkaitan lebih daripada orang awam;

(b) Tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti Syarikat; dan

(c) Akan dikemukakan dalam laporan tahunan dengan perincian nilai agregat urusiaga yang dibuat sepanjang tahun kewangan menurut mandat pemegang saham semasa tahun kewangan tersebut (Mandat)

Dan bahawa Mandat yang diberikan oleh resolusi ini hendaklah berkuatkuasa serta-merta sebaik sahaja Resolusi ini diluluskan;

Dan bahawa Mandat tersebut akan terus berkuatkuasa sehingga:

(i) berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, yang mana ia akan luput, melainkan jika melalui resolusi yang diluluskan pada mesyuarat, kuasa tersebut diperbaharui,

(ii) tamatnya tempoh selepas tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya perlu diadakan menurut Seksyen 340 (2) Akta Syarikat, 2016 (tetapi tidak boleh dilanjutkan sehingga tempoh lanjutan yang dibenarkan mengikut Seksyen 340 (4) Akta Syarikat 2016); atau

(iii) dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham dalam mesyuarat agung

yang mana lebih awal."

(Resolusi Biasa 6)

8. Cadangan pembaharuan kuasa bagi para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa baru BHB, untuk tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") syarikat yang membenarkan para pemegang saham BHB pilihan untuk melaburkan semula dividen tunai mereka dalam Saham BHB yang baharu.

"BAHAWA menurut DRP seperti yang diluluskan oleh para Pemegang Saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 27 Oktober 2014 dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan (jika ada), kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Syarikat untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham BHB yang baharu dari semasa ke semasa sebagaimana perlu diperuntukkan dan diterbitkan berdasarkan kepada DRP sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya mengikut terma dan syarat dan kepada mereka yang dianggap sesuai mengikut budi bicara tunggal dan mutlak para Pengarah Syarikat dan demi kepentingan Syarikat DENGAN SYARAT harga tarbitan Saham BHB yang baharu hendaklah ditetapkan oleh para Pengarah berdasarkan volum harga pasaran purata berawajaran ("VWAP") teratas selama lima (5) hari pasaran Saham BHB sejurus sebelum tarikh penetapan harga, selepas mengenakan diskaun tidak melebihi 10%, yang mana VWAP hendaklah diselaraskan selepas dividen sebelum menggunakan diskaun tersebut dalam penetapan harga tarbitan;

DAN BAHAWA para Pengarah dan Setiausaha Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan semua tindakan dan melaksanakan semua urusiaga, pengaturan, surat ikatan, akujanji dan dokumen yang mungkin diperlukan atau wajar untuk menguatkuasakan sepenuhnya DRP dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan apa-apa syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan yang mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan (jika ada) atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan tersebut oleh Pengarah, sepertimana yang dianggap sesuai mengikut budi bicara mutlak mereka dan demi kepentingan Syarikat."

(Resolusi Biasa 7)

9. Cadangan Gunapakai Perlembagaan Baharu Syarikat ("Cadangan Gunapakai Perlembagaan Baharu")

"BAHAWA Memorandum dan Tatacara Penubuhan Syarikat yang sedia ada dibatalkan sepenuhnya berkuatkuasa serta-merta dan digantikan dengan Perlembagaan Syarikat yang baharu seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 8 dan Apendiks II dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 19 April 2019. DAN BAHAWA para Pengarah dan Setiausaha Syarikat dengan ini diberikan kuasa untuk meluluskan sebarang pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan seperti yang dikehendaki oleh badan-badan berkuasa yang berkaitan serta melakukan semua perkara dan mengambil semua langkah yang dianggap perlu dan/atau bermanfaat untuk memberi kesan penuh kepada Cadangan Gunapakai Perlembagaan Baharu."

(Resolusi Khas 1)

10. Untuk melaksanakan sebarang urusan biasa yang lain di mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

MARIA MAT SAID (LS 0009400)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

19 April 2019

Nota-Nota:

1. Penyata Kewangan Beraudit

Penyata Kewangan beraudit dibentangkan dalam mesyuarat ini selaras menurut Seksyen 340 (1) (a) Akta Syarikat 2016 adalah bertujuan untuk maklumat dan perbincangan para pemegang saham sahaja. Ia tidak memerlukan kelulusan para pemegang saham, dan oleh itu Penyata Kewangan yang Diaudit tidak dikemukakan untuk pengundian.

2. Resolusi Biasa 4

Pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 yang diadakan pada 15 Mei 2018, BHB telah mendapat kelulusan Pemegang Saham berkenaan pembayaran yuran dan manfaat Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa dari Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 hingga Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 Syarikat pada 2019. Butiran mengenai yuran dan manfaat Pengarah Bukan Eksekutif dibentangkan pada halaman 274 hingga 275 Laporan Tahunan Bersepadu ini.

Sejajar dengan Seksyen 230(1) Akta Syarikat 2016, kelulusan Pemegang Saham juga diperlukan untuk yuran dan manfaat Pengarah Bukan Eksekutif yang diterima daripada anak-anak syarikat.

Cadangan Resolusi 4 untuk pembayaran yuran para Pengarah dan manfaat Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat serta anak-anak syarikatnya dari Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 hingga Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 Syarikat.

3. Resolusi Biasa 5

Cadangan perubahan ini adalah sejajar dengan tadbir urus korporat yang baik menangani penilaian semula perantukan Juruaudit Luar Syarikat dari masa ke semasa.

Juruaudit Luar sedia ada Syarikat iaitu Tetuan KPMG Desa Megat PLT, telah dilantik semula sebagai Juruaudit Luar Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 yang diadakan pada 15 Mei 2018 sehingga penutup Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 Syarikat. Tetuan KPMG Desa Megat PLT telah bertindak sebagai Juruaudit Luar Syarikat sejak November 2002.

Cadangan perantukan Tetuan PricewaterhouseCoopers adalah tertakluk kepada penerimaan mereka untuk bertindak sebagai Juruaudit Luar dan jika diluluskan, mereka akan memegang jawatan ini sehingga penutup Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 Syarikat.

4. Nota Penerangan Kepada Urusan Khas

(a) Resolusi Biasa 6

Resolusi Biasa 6, jika diluluskan, akan membolehkan Syarikat dan/atau Anak-Anak Syarikatnya untuk melakukan transaksi berulang yang melibatkan kepentingan Pihak-Pihak Berkaitan, yang bersifat pendapatan atau perdagangan dan perlu untuk operasi harian Kumpulan, tertakluk kepada urusiaga tersebut dijalankan dalam urusan perniagaan biasa dan dari segi tidak menjejaskan pemegang saham minoriti Syarikat. Kuasa, kecuali dibatalkan atau diubah oleh Syarikat pada mesyuarat agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Untuk butiran lanjut mengenai Resolusi Biasa 6, sila rujuk Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 19 April 2019.

(b) Resolusi Biasa 7

Resolusi Biasa 7, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen berkenaan dividen yang akan diisytiharkan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya. Pembaharuan kuasa ini akan didapatkan pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

(c) Resolusi Khas 1

Cadangan Resolusi Khas 1, jika diluluskan, akan menyeragamkan Perlembagaan Syarikat dengan Akta Syarikat 2016 yang berkuatkuasa pada 31 Januari 2017, peruntukan Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad yang telah dikemaskini serta kehendak berkanun dan kawal selia sedia ada selain bagi mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan membenarkan penjelasan yang lebih baik. Cadangan Gunapakai Perlembagaan Baharu ini dinyatakan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 19 April 2019.

5. Perantukan Proksi

(i) Hanya ahli yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 10 Mei 2019 layak menghadiri, bercakap dan mengundi di AGM atau melantik proksi untuk menghadiri, bercakap dan/atau mengundi bagi pihak mereka.

(ii) Ahli-ahli Syarikat yang layak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat ini adalah berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya pada mesyuarat yang sama dan proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.

(iii) Bila mana ahli Syarikat melantik dua (2) orang proksi, perantukan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan pegangan yang akan diwakili oleh setiap proksi.

(iv) Jika seseorang ahli Syarikat adalah nomini yang dibenarkan berkecuali seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 yang memegang saham biasa Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini dibenarkan berkecuali bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.

(v) Suratcara perantukan proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya dan dalam hal sebuah perbadanan, mestilah di bawah meterai rasmi atau di tandatangi oleh pegawai atau peguam yang diberi kuasa.

(vi) Suratcara perantukan proksi hendaklah diserahkan ke Pendaftaran Saham, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Symphony Share Registrars Sdn Bhd), Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana, 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan tidak kurang dan empat puluh lapan (48) jam sebelum masa mesyuarat atau mesyuarat ditangguhkan di mana orang yang dinamakan dalam suratcara itu bercadang untuk mengundi, dan jika gagal suratcara proksi akan dianggap sebagai tidak sah.

(vii) Selaras dengan Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, semua resolusi yang dinyatakan dalam Notis itu akan diundi secara pol.